

UNTUK SIARAN SEGERA**SIARAN AKHBAR****HADIAH TERINDAH SEMPENA HARI BAPA**

SEREMBAN, 17 JUN 2020 – Tahun 2020 melakar kenangan manis buat Zainuddin Bin Adam, 56, Pekerja Rendah Am (PRA), SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) Cawangan Jempol. Beliau tidak menyangka menerima penghargaan sebagai ‘Hero Pekerja Pembersihan Negeri Sembilan 2020’ daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Pemilihannya sebagai tokoh pekerja pembersihan yang terbaik untuk Negeri Sembilan baginya sebagai seorang bapa adalah hadiah terindah sempena Hari Bapa yang akan menjelang tidak lama lagi pada hujung minggu ini.

“Saya sangat berbangga dan terharu dengan penghargaan yang telah diberikan kepada saya sempena sambutan Hari Pekerja Pembersihan 2020 walaupun terdapat ramai lagi calon-calon lain yang tidak kurang hebatnya,” kata Zainuddin.

Beliau juga turut menyatakan rasa terima kasih tidak terhingga kepada pihak pengurusan SWM Environment kerana telah mencalonkan nama beliau kepada pihak SWCorp bagi menerima penghargaan tokoh pekerja terbaik tersebut buat Negeri Sembilan.

Zainuddin menerima penganugerahan Hero Pekerja Pembersihan berupa sijil penghargaan dan hadiah wang tunai yang disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin dalam satu majlis yang telah berlangsung di Ibu Pejabat SWCorp pada hari ini.

Awal tahun ini, beliau juga telah turut menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) daripada DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir sempena Hari Keputeraan Ke-72.

Kejayaan yang beliau kecapai pada hari ini adalah berkat usaha kesabaran beliau menjalankan amanah syarikat dengan baik dan sentiasa memberikan komitmen kerja yang tinggi ketika menyempurnakan setiap kerja di lapangan. Beliau juga amat bersyukur kerana dikurniakan rakan-rakan sekerja dan ketua yang sentiasa membantu beliau di sepanjang bertugas di SWM Environment Cawangan Jempol.

Bapa kepada dua orang anak ini juga telah menjadi contoh terbaik kepada kedua-dua anaknya dan telah berjaya membesarkan kedua-dua anaknya ke menara gading walaupun beliau sendiri hanya mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah. Anak sulungnya Nurul Amira Binti Zainuddin, 26 tahun, memegang Diploma Teknologi Maklumat, Politeknik Muadzam Shah manakala anak bongsunya, Muhammad Zul Hakim Bin Zainuddin, 24 tahun, memiliki Diploma Ukur Tanah daripada Politeknik Melaka dan kini memegang jawatan Pelukis Pelan di salah sebuah syarikat swasta di Melaka.



Anaknya Nurul Amira Binti Zainuddin menyatakan rasa bangga dengan kejayaan yang dikecapi ayahnya dan berterima kasih kepada SWM Environment kerana menghargai usaha yang dicurahkan oleh ayahnya sepanjang bertugas di SWM Environment.

Bagi Zainuddin, setiap pekerja perlu mempunyai sikap rajin, disiplin yang tinggi dan mematuhi arahan ketua bagi memastikan tugas di lapangan dapat diselesaikan dengan sempurna dan mematuhi KPI seperti yang telah ditetapkan oleh pihak SWCorp. Beliau juga berharap rakan-rakan sekerjanya akan sentiasa terus berusaha memberikan komitmen kerja yang terbaik dalam memastikan kebersihan alam sekitar sentiasa terjamin.

TAMAT.

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara menyeluruh, terancang, kos efektif dan berkesan melalui aplikasi teknologi tinggi dan mesra alam yang terkini demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Di bawah kapasiti 3R (Reduce, Reuse, Recycle), SWM Environment mendidik orang ramai tentang kepentingan serta kaedah pengasingan sisa pepejal yang betul. Aktiviti seperti ceramah dan pameran kitar semula turut diadakan di sekolah, dewan bandar, pusat membeli-belah, blok pejabat dan kawasan awam.



Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan
SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06-6014280/ 012-684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com